



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

PERTUMBUHAN EKSPORT SETINGGI 3.1% YANG MENGATASI KONSENSUS PASARAN BAGI BULAN JANUARI 2019 BERSERTA DENGAN LEBIHAN DAGANGAN UNTUK BULAN KE-255 MENUNJUKKAN BAHAWA EKONOMI MALAYSIA BERADA PADA LANDASAN YANG BETUL BAGI MENCAPAI PERTUMBUHAN KDNK YANG MEMBERANGSANGKAN



Pertumbuhan Eksport Setinggi 3.1% Yang Mengatasi Konsensus Pasaran Bagi Bulan Januari 2019 Berserta Dengan Lebihan Dagangan Untuk Bulan Ke-255 Menunjukkan Bahawa Ekonomi Malaysia Berada Pada Landasan Yang Betul Bagi Mencapai Pertumbuhan KDNK Yang Memberangsangkan

Statistik sebenar bagi bulan Januari berbanding dengan konsensus pasaran yang dikumpulkan oleh Bloomberg

Item	Januari 2019	Konsensus pasaran
Pertumbuhan eksport	3.1%	-0.6%
Imbangan dagangan	RM11.5 Bilion	RM9.0 Bilion

Setelah KDNK negara bagi suku ke-4 tahun 2018 berkembang 4.7% dan mengatasi konsensus pasaran pada kadar 4.5%, ekonomi Malaysia sekali lagi memperlihatkan prestasi yang memberangsangkan. Statistik terbaharu menunjukkan bahawa eksport negara bagi bulan Januari 2019 telah meningkat 3.1% tahun-ke-tahun (y-o-y), sekali lagi mengatasi tinjauan penganalisis pasaran yang kali ini menjangkakan eksport akan jatuh 0.6% y-o-y (lihat Jadual 1). Nilai eksport bagi bulan Januari 2019 berjumlah RM85.4 Bilion merupakan nilai yang tertinggi dalam sejarah Malaysia dan ia mengatasi rekod terdahulu iaitu RM82.8 Bilion yang dicatatkan pada bulan Januari 2018.

Lebihan dagangan negara juga telah meningkat 19.2% y-o-y kepada RM11.5 Bilion pada bulan yang sama. Lebihan dagangan RM11.5 Bilion ini adalah lebih tinggi daripada konsensus pasaran sebanyak RM9.0 Bilion, walaupun perang dagang antara China dan Amerika Syarikat masih belum diselesaikan. Lebihan dagangan yang tinggi ini merupakan permulaan yang baik untuk tahun ini bagi ekonomi negara kerana ia membantu memastikan supaya akaun semasa negara akan terus berada dalam keadaan lebihan bagi melindungi Malaysia daripada ketidakpastian dunia.

Jadual 1: Statistik sebenar bagi bulan Januari berbanding dengan konsensus pasaran yang dikumpulkan oleh Bloomberg

Item	Januari 2019	Konsensus pasaran
Pertumbuhan eksport	3.1%	-0.6%
Imbangan dagangan	RM11.5 Bilion	RM9.0 Bilion

Tambahan lagi, import telah meningkat sebanyak 1.0% y-o-y dan ini sekali gus menunjukkan permintaan domestik telah berkembang dengan baik. Ini bercanggah dengan kebimbangan deflasi yang ditimbulkan oleh sesetengah penganalisis pasaran.

Pertumbuhan permintaan domestik yang sihat pada bulan Januari membuktikan bahawa penurunan Indeks Harga Pengguna (CPI) sebanyak 0.7% y-o-y dalam bulan yang sama bukanlah disebabkan oleh permintaan yang berkurangan. Seperti yang telah diterangkan sebelum ini, penurunan CPI pada bulan Januari adalah didorong oleh dasar-dasar Kerajaan iaitu penstabilan harga minyak yang menyalurkan penjimatan yang diperolehi apabila harga petrol menurun terus kepada pengguna, dan pada masa yang sama melindungi mereka semasa harga minyak melambung tinggi melalui penggunaan mekanisme harga siling, dan juga penggantian GST dengan SST.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya
5 Mac 2019

Like Be the first of your friends to like this.